

'Tak sangka dapat undian tertinggi'

Bandar Baru Nilai: Mahasiswa Tahun Tiga Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko, memperoleh undian tertinggi bagi kerusi umum pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Muhammad Irfan Mohd Jaleel, 21, dari Fakulti Sains dan Teknologi, memperoleh sebanyak 5,646 undi, tidak menyangka mendapat undian tertinggi.

Berasal dari Batu Pahat, Johor, katanya tujuan utama dia bertanding kerana mahu mengajak rakan mahasiswa supaya sentiasa produktif dalam pelbagai bidang sepanjang pengajian di universiti.

"Kita bukan hanya perlu menunaikan tanggungjawab sebagai pelajar, tetapi pada masa sama boleh memberi sumbangan kepada universiti dan ummah dalam pelbagai cara.

Pikul amanah besar

"Bagaimanapun, saya mengakui bukan mudah untuk bergelar seorang pemimpin yang memikul amanah yang besar," katanya.

Seramai 5,866 mahasiswa atau 58.15 peratus mengundi seawal jam 9 pagi hingga 5 petang di dua kampus, iaitu di sini dan Pandan Indah, Selangor.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata seramai 29 calon bertanding merebut 16 kerusi di lapan fakulti, manakala 10 calon merebut lapan kerusi umum.

"Seramai 10 calon di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Fakulti Pergigian di Kampus Pandan Indah, serta Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Fakulti Syariah dan Undang-Undang serta Fakulti Sains dan Teknologi di sini, menang tanpa bertanding," katanya.